

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

1. Definisi

“**Kumpulan AmBank**” bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam Terma dan Syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 8515-D) atau AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U), dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Istilah “**Syarikat Bersekutu**” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. Istilah “**Syarikat Yang Berkaitan**” pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

“**Kempen**” bermaksud “**PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)**” yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.

“**AmOnline**” bermaksud perkhidmatan Perbankan Internet AmBank yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melaksanakan urusan niaga perbankan melalui Internet menurut Terma dan Syarat di <https://ambank.amonline.com.my/>

“**DuitNow**” bermaksud perkhidmatan pindahan dana elektronik untuk menghantar atau menerima wang dengan selamat dan dengan serta-merta ke nombor mudah alih, Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC) atau nombor pendaftaran perniagaan.

“**Lazada**” merujuk kepada laman web membeli-belah dalam talian di <https://www.lazada.com.my>

“**Pelanggan Yang Layak**” bermaksud pelanggan AmBank dan/atau AmBank Islamic, seperti yang dikehendaki menurut konteks, yang layak di bawah Klausula 3.

“**Penyertaan**” bermaksud penyertaan yang layak yang diperolehi dengan memenuhi kriteria dalam klausula 4.3 yang membolehkan Pelanggan Yang Layak untuk berhak mendapat hadiah kempen.

“**Transaksi**” bermaksud pembelian barangan dan perkhidmatan, tanpa mengira Kategori Urusan atau Kod Kategori Pedagang (MCC), yang ditanggung untuk kegunaan peribadi.

“**Transaksi Yang Layak**” bermaksud transaksi runcit AmBank, **tidak termasuk** transaksi yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, transaksi yang dipertikaikan, tidak dibenarkan, atau penipuan, transaksi pengeluaran tunai, transaksi tunai pantas, pertaruhan, permainan, pindahan baki, pelan pembayaran ansuran atau transaksi yang di bawah pengaturan khusus korporat di mana rebat boleh diguna pakai.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

“Pelanggan Perbankan Runcit” merujuk kepada pelanggan individu AmBank/AmBank Islamic di bawah Perbankan Runcit.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

2. Tempoh Kempen

Tempoh Kempen adalah dari 1 November 2018 hingga 30 April 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh lain yang ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak Bank dengan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari Notis Terdahulu.

3. Kelayakan

3.1 Pelanggan Yang Layak seperti yang direkodkan dalam sistem Bank yang termasuk di bawah salah satu daripada kategori berikut adalah layak menyertai Kempen ini.

- a) Pelanggan Bank dengan Akaun Semasa atau Simpanan/-i
- b) Pelanggan Bank dengan Kad Debit
- c) Pelanggan Bank dengan AmOnline

3.2 Akaun Semasa/Simpanan/-i yang layak di bawah kempen ini adalah seperti berikut:

- a) Akaun Semasa Transaksi TRUE
- b) Akaun Transaksi-i TRUE
- c) Akaun Semasa Asas/-i
- d) Akaun AmStar Extreme
- e) Akaun Semasa AmStar
- f) Akaun Semasa Harian Family First
- g) Akaun Harian-i (Penyelesaian-i Family First)
- h) Akaun Penyimpan TRUE/-i
- i) Akaun Penyimpan Asas/-i
- j) Akaun Penyimpan Harian
- k) Akaun Penyimpan Harian Family First
- l) Akaun Simpanan Khas-i (Penyelesaian-i Family First)

3.3 Kategori orang yang berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini:

- a) Pelanggan bukan individu termasuk:
 - (i) Pemilikan Tunggal/Perkongsian; dan/atau
 - (ii) PKS (Perusahaan Kecil Sederhana dengan jumlah perolehan tahunan sehingga RM25 juta); dan/atau
 - (iii) Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan/Badan Kebajikan/Persatuan
- b) Kakitangan tetap dan/atau kontrak Kumpulan AmBank (termasuk anak syarikatnya dan syarikat berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak dan ibu bapa); dan/atau
- c) Wakil, vendor dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi) Kumpulan AmBank (termasuk anak syarikatnya dan syarikat yang berkaitan) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (pasangan, anak dan ibu bapa).

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

4. Mekanik

4.1 Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

4.2 Tempoh Kempen mengandungi enam (6) bulan ("**Bulan Kempen**") yang ditafsirkan seperti berikut:

Bulan Kempen	Tempoh
November 2018	1 November 2018 – 30 November 2018
Disember 2018	1 Disember 2018 – 31 Disember 2018
Januari 2019	1 Januari 2019 – 31 Januari 2019
Februari 2019	1 Februari 2019 – 28 Februari 2019
Mac 2019	1 Mac 2019 – 31 Mac 2019
April 2019	1 April 2019 – 30 April 2019

4.3 Enam (6) Bulan Kempen terdiri dari dua belas (12) dwi-minggu ("**Kempen Dwi-Mingguan**") yang ditakrifkan seperti berikut:

Bulan Kempen	Tempoh
November 2018	1 November 2018 – 15 November 2018
	16 November 2018 – 30 November 2018
Disember 2018	1 Disember 2018 – 15 Disember 2018
	16 Disember 2018 – 31 Disember 2018
Januari 2019	1 Januari 2019 – 15 Januari 2019
	16 Januari 2019 – 31 Januari 2019
Februari 2019	1 Februari 2019 – 15 Februari 2019
	16 Februari 2019 – 28 Februari 2019
Mac 2019	1 Mac 2019 – 15 Mac 2019
	16 Mac 2019 – 31 Mac 2019
April 2019	1 April 2019 – 15 April 2019
	16 April 2019 – 30 April 2019

4.4 Semua Pelanggan Yang Layak yang memenuhi Transaksi Yang Layak berikut semasa Tempoh Kempen adalah berhak untuk memperolehi Penyertaan seperti yang dijadualkan di bawah:

Transaksi Layak	Bilangan Penyertaan
Mendaftar untuk Akaun Semasa atau Simpanan/-i dengan deposit permulaan RM100	5
Mendaftar untuk Kad Debit	5
Mendaftar untuk AmOnline	5
Mendaftar untuk DuitNow	5
Melakukan penambahan RM500 untuk baki bulanan purata Akaun Semasa atau Simpanan/-i	1
Melakukan transaksi Kad Debit dengan minimum RM20	1
Melakukan transaksi AmOnline dengan minimum RM20	1

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

Melakukan transaksi DuitNow dengan minimum RM20	1
---	---

Contoh:

Jika pelanggan A mendaftar untuk AmOnline, pelanggan A mendapat 5 penyertaan. Jika pelanggan A turut melakukan 2 transaksi Kad Debit dengan minimum RM20 untuk setiap transaksi, 2 penyertaan akan diberikan kepada pelanggan tersebut. Jumlah keseluruhan, pelanggan berkenaan memperolehi 7 penyertaan.

- 4.5 Di sepanjang Tempoh Kempen, penyertaan tambahan akan diberikan untuk transaksi terpilih yang dilakukan pada tarikh atau tempoh tertentu. Butiran tambahan dan kelayakan bagi penyertaan bonus ini akan diumumkan sebelum peristiwa sedemikian dalam tempoh notis sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar melalui akaun Facebook rasmi AmBank.
- 4.6 Untuk kelayakan Hadiah Utama, Pelanggan yang Layak mesti memegang minimum 30 penyertaan.
- 4.7 Semua Transaksi Yang Layak mesti diurusniagakan melalui Akaun Semasa/Simpanan/-i/Kad Debit/AmOnline Pelanggan Yang Layak yang merupakan pemegang akaun utama dalam Tempoh Kempen berdasarkan tarikh dan masa sistem Bank untuk memenangi hadiah yang dinyatakan dalam Klausula 5. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk mana-mana kemasukan lewat ke akaun Pelanggan Yang Layak oleh pedagang dan/atau pihak ketiga yang mungkin menyebabkan Transaksi Yang Layak yang dilakukan oleh Pelanggan Yang Layak tidak dimasukkan ke dalam Kempen.
- 4.8 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan Bank tidak melanggar peraturan Kempen atau bersikap cuai, Bank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengubah/menyemak/meminda mekanisme/proses pemilihan sebagaimana yang difikirkannya patut pada bila-bila masa dengan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari Notis Terdahulu.

5. Hadiah

- 5.1 Berikut ialah hadiah untuk dimenangi, tertakluk pada had maksimum seperti yang dinyatakan di bawah bagi setiap kategori hadiah:

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang	Jumlah Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	e-baucar Lazada bernilai RM20,000	1	1
Hadiah Bulanan	e-baucar Lazada bernilai RM3,500	5 untuk setiap bulan	30
Hadiah Khas Dwi-Mingguan	e-baucar Lazada bernilai RM200	5 untuk setiap 2 minggu	60

- 5.2 Pelanggan Yang Layak yang memenangi Hadiah Bulanan atau Hadiah Khas Dwi-Mingguan masih berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama. Walau bagaimanapun, Pelanggan Yang Layak hanya boleh memenangi sama ada satu (1) Hadiah Bulanan atau Hadiah Khas Dwi-Mingguan.

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

5.3 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit atau jenis lain sepeertinya.

6 Pemilihan Pemenang

(A) Hadiah Utama - e-baucar Lazada bernilai RM20,000

6.1 Sistem algoritma Bank akan memberikan setiap Penyertaan yang diperolehi oleh semua Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen nombor siri uniknya masing-masing, yang kemudiannya digunakan untuk menyusun semua Penyertaan dalam susunan angka menaik. Susulan kepada penyusunan ini, setiap Penyertaan diberi nombor jujukan bermula dari 1 untuk nombor siri dengan nilai terendah ("Nombor Jujukan").

6.2 Susulan penomboran seperti yang dinyatakan dalam Klausu 6.1, jumlah bilangan Penyertaan akan dibahagi dengan dua puluh (20) untuk mendapat nilai pendarab bagi menyenarai pendek sepuluh (10) Pelanggan Yang Layak ("Pemenang Hadiah Utama Berpotensi").

Contoh: 1,000 jumlah penyertaan dibahagi dengan 20 untuk mendapat nilai gandaan 100, yang bermakna Pelanggan Layak dengan Penyertaan ke-100 dan gandaannya: Penyertaan ke-200, ke-300, sehingga ke-100 ialah Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek.

6.3 Seorang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali sahaja untuk Hadiah Utama. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada sekali untuk Hadiah Utama, Pelanggan Yang Layak tersebut akan hanya disenarai pendek berdasarkan Nombor Jujukannya yang terendah. Penyertaan yang lain akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak dengan Nombor Jujukan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti contoh di bawah:

Contoh: Berdasarkan Klausu 6.2: Jika Penyertaan ke-200 dan ke-300 ialah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka dia akan hanya disenarai pendek berdasarkan Penyertaan ke-200. Bagi Penyertaan ke-300 yang tidak terpilih, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya iaitu Penyertaan ke-400, akan disenarai pendek.

6.4 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Jujukan terendah akan dihubungi untuk sesi soal jawab yang dirakam melalui panggilan telefon ke nombor telefon mudah alih mereka yang disimpan di dalam sistem Bank, di antara pukul 8.45 pagi hingga 5.45 petang dari Isnin hingga Khamis dan antara pukul 8.45 pagi hingga 4.45 petang pada hari Jumaat (kecuali cuti umum), dalam masa dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen, mengikut budi bicara mutlak Bank.

6.5 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab dua (2) soalan dengan betul ("Soal Jawab Telefon") untuk disahkan sebagai pemenang Hadiah Utama ("Pemenang Hadiah Utama"). Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. Jika percubaan pertama gagal atas sebab seperti tiada jawapan, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada hubungan atau sebarang sebab lain apa jua pun, maka Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam masa dua (2) hari kalendar pada waktu berikutnya yang tersedia menurut budi bicara mutlak Bank. Jika percubaan terakhir juga tidak berjaya, maka Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek tersebut akan

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

tersingkir dan tidak layak untuk memenangi Hadiah. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi berikutnya dengan Nombor Jujukan terendah daripada senarai dalam Klausula 6.1 dan 6.2 akan dinaikkan untuk memenangi Hadiah Utama.

6.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang tidak disudahkan, terputus, tidak dijawab atau diteruskan disebabkan Pelanggan Yang Layak tersebut tidak dapat menerima panggilan pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau kerana sebarang sebab lain apa jua pun.

(B) Hadiah Bulanan - e-baucar Lazada bernilai RM3,500

(C) Hadiah Khas Dwi-Mingguan - e-baucar Lazada bernilai RM200

6.7 Sistem algoritma Bank menyenaraikan semua Penyertaan yang diperolehi oleh semua Pelanggan Yang Layak semasa setiap Hari Kempen berdasarkan Nombor Jujukannya masing-masing seperti yang diterangkan dalam Klausula 6.1.

6.8 Susulan penomboran seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6.1, jumlah bilangan Penyertaan untuk setiap Bulan Kempen akan dibahagi dengan lima (5) untuk mendapat nilai pendarab bagi menyenarai pendek lima (5) Pelanggan Yang Layak ("Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi").

Contoh: 1,000 jumlah Penyertaan akan dibahagi dengan lima (5) untuk mendapat nilai gandaan 200, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak dengan Penyertaan ke-200 dan gandaannya: Penyertaan ke-200, ke-205 sehingga ke-1,000 ialah Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi yang disenarai pendek.

6.9 Jumlah Penyertaan untuk setiap Kempen Bulanan akan dibahagi dengan lima (5) untuk mendapat nilai gandaan bagi menyenarai pendek lima (5) Pelanggan Yang Layak ("Pemenang Hadiah Khas Bi-Mingguan Berpotensi").

Contoh: 1,000 jumlah Penyertaan akan dibahagi dengan 5 untuk mendapat nilai gandaan 200, yang bermakna Pelanggan Yang Layak dengan Penyertaan Masuk ke-200 dan gandaannya: Penyertaan ke-200, ke-205 sehingga ke-1,000 ialah Pemenang Hadiah Khas Bi-Mingguan Berpotensi yang disenarai pendek.

6.10 Seorang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali sahaja untuk Hadiah Bulanan atau Hadiah Khas Dwi-Mingguan. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada sekali untuk Hadiah Harian atau Hadiah Khas Dwi-Mingguan, dia akan hanya disenarai pendek berdasarkan Nombor Jujukan terendah. Penyertaan yang lain akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak dengan Nombor Jujukan berikutnya pula akan disenarai pendek, seperti contoh di bawah:

Contoh berdasarkan Klausula 6.8: Jika Penyertaan Masuk ke-200 dan ke-205 ialah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka dia akan hanya disenarai pendek berdasarkan Penyertaan ke-240. Bagi Penyertaan ke-205 yang tidak terpilih, Pemenang Hadiah Bulanan atau Hadiah Khas Dwi-Mingguan yang berikutnya akan disenarai pendek.

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

6.11 Untuk setiap Bulan Kempen, lima (5) Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi dan lima (5) Pemenang Hadiah Khas Dwi-Mingguan Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Jujukan terendah akan dihubungi untuk sesi soal jawab melalui SMS ke nombor telefon mudah alih mereka yang disimpan dalam sistem Bank, antara pukul 8.45 pagi hingga 5.45 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum), dalam masa dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen, mengikut budi bicara mutlak Bank. Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi dan Pemanang Hadiah Khas Dwi-Mingguan Berpotensi yang disenarai pendek terpilih hendaklah menjawab soalan dengan tepat dan dalam masa terpentas melalui Soal & Jawab Telefon.

6.12 Sekiranya Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi atau Pemanang Hadiah Khas Dwi-Mingguan Berpotensi yang disenarai pendek gagal menjawab Soal & Jawab Telefon dengan betul atau dalam had masa yang ditetapkan dalam Klausula 6.11, maka Pelanggan Yang Layak akan disingkirkan dan tidak layak untuk menang.

7 Pemenang

7.1 Bank akan memaklumkan kepada semua Pemenang melalui SMS/telefon/mel elektronik/kiriman mel berdasarkan butiran perhubungan mereka yang terdapat di dalam sistem Bank. Walaupun apa yang telah dinyatakan sebelum ini, Bank berhak menggunakan sebarang saluran atau kaedah lain, termasuk laman sesawang Bank di www.ambank.com.my yang difikirkan wajar menurut budi bicara mutlaknya bagi tujuan mengumumkan pemenang.

7.2 Pemenang Kempen mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau lain-lain program publisiti dengan menanggung sendiri kos dan perbelanjaan pada dan bila dikehendaki seperti yang dimaklumkan oleh Bank melalui panggilan telefon dan/atau mel elektronik tentang tarikh, masa dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau lain-lain program publisiti tersebut.

7.3 Hadiah akan dihantar dan diumumkan kepada pemenang mengikut garis masa yang dinyatakan di bawah.

(A) Hadiah Utama - e-baucar Lazada bernilai RM20,000

Tempoh Kempen	Tarikh Pengumuman Pemenang
1 November 2018 – 30 April 2019	15 Jun 2019

(B) Hadiah Bulanan - e-baucar Lazada bernilai RM3,500

(C) Hadiah Khas Dwi-Mingguan - e-baucar Lazada bernilai RM200

Bulan Kempen	Tempoh
November 2018	15 Januari 2019
Disember 2018	15 Februari 2019
Januari 2019	15 Mac 2019
Februari 2019	15 April 2019
Mac 2019	15 Mei 2019
April 2019	15 Jun 2019

7.4 Hadiah diberikan atas dasar 'sedia ada', iaitu tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

dengan wang tunai atau lain-lain barangan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

7.5 Pemenang bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat) kepada vendor yang akan menghubungi pemenang berkenaan penghantaran atau penebusan Hadiah Utama/Hadiah Bulanan/Hadiah Khas Dwi-Mingguan.

8 Penyingkiran

8.1 Bank berhak secara mutlak untuk menyingkirkan penyertaan dan/atau transaksi mana-mana Pelanggan Yang Layak bagi tujuan Kempen ini tanpa perlu memaklumkan Pelanggan Yang Layak sekiranya:

- a) Transaksi Yang Layak diterima sebelum dan/atau selepas Tempoh Kempen yang ditetapkan; atau
- b) DuitNow telah dibatalkan pendaftarannya sebelum pemberitahuan pemenang oleh Bank; atau
- c) Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i Pelanggan Yang Layak telah ingkar dengan kemudahan yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
- d) Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i Pelanggan Yang Layak telah ditutup sebelum pemberitahuan pemenang oleh Bank; atau
- e) Pelanggan Yang Layak telah memberikan maklumat yang palsu atau bertindak menipu dalam apa-apa cara semasa Tempoh Kempen; atau
- f) Pelanggan Yang Layak melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.

9 Umum

9.1 Keputusan Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen adalah mengikat dan muktamad dan sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang akan dimulakan dan didengar dalam mahkamah di Kuala Lumpur.

9.2 Semua Pelanggan Yang Layak telah membaca dan memahami semua Terma dan Syarat yang telah dijelaskan di sini dan Bank berhak secara mutlak untuk menggantung, menamatkan atau membatalkan Kempen pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang alasan dengan memberi Notis Terdahulu di laman sesawang Bank di www.ambank.com.my.

9.3 Bank berhak dan mempunyai budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini, secara keseluruhan atau pada mana-mana bahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Promosi mengikut yang difikirkan wajar dan sesuai dengan memberi Notis Terdahulu. Pampasan dalam bentuk tunai atau sebarang bentuk tidak akan diberikan kepada Pelanggan Yang Layak atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak sebagai kesan langsung atau tidak langsung akibat pindaan, variasi, pemadaman, penambahan atau perubahan pada Terma dan Syarat di sini kecuali ianya adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran Bank semata-mata.

9.4 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh Bank tidak akan memberikan hak kepada Pelanggan Yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau meminta ganti rugi daripada Bank untuk sebarang dan semua kerugian atau

Terma & Syarat
PayWinCelebrate (1 November 2018 - 30 April 2019)

kerusakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

- 9.5 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan Yang Layak atas sebarang kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) disebabkan oleh keadaan luar biasa dan tidak dijangka yang di luar kawalan munasabah Bank yang tidak dapat dielakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kemalangan, tindakan keganasan, kerosakan perkakasan, kekacauan awam, kebakaran, pertikaian industri, kekacauan buruh, penyekatan, bencana alam, rusuhan, mogok, peperangan (sama ada yang diisytihar atau tidak), atau kegagalan sistem pemprosesan data, elektrik, sistem telekomunikasi atau sambungan transmisi.
- 9.6 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan 24 jam Bank dengan menelefon +603-2178 8888 atau melalui e-mel ke customercare@ambankgroup.com.